

NO. SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8195

SOALAN:

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes yang telah dilaporkan dan berjaya diselesaikan selepas POTA diperkenalkan. Adakah punca kemasukan pengganas antarabangsa ke dalam negara disebabkan oleh masalah integriti dan disiplin pegawai agensi Kementerian serta apakah perancangan jangka masa panjang Kementerian dalam mengurangkan indeks kadar jenayah dalam negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) baru sahaja berkuatkuasa mulai 1 September 2015. Walau bagaimanapun, sehingga sekarang belum ada lagi tangkapan dibuat di bawah Akta ini memandangkan tangkapan-tangkapan yang ada telah dibuat sebelum tarikh kuatkuasa POTA di mana undang-undang ini bukanlah bersifat retrospektif. Oleh yang demikian, mana-mana tangkapan yang dibuat sebelum tarikh kuatkuasa ini akan didakwa di bawah undang-undang sedia ada yang lain.

Ingin saya maklumkan juga bahawa POTA adalah satu opsyen terakhir setelah usaha mendakwa subjek di Mahkamah dengan menggunakan undang-undang sedia ada bagi menangani ancaman keganasan seperti Kanun Keseksaan, dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Tuan Yang di-Pertua,

Kenyataan bahawa punca kemasukan pengganas antarabangsa ke dalam negara adalah disebabkan oleh masalah integriti dan disiplin pegawai agensi kementerian adalah tidak benar. Sebenarnya terdapat beberapa faktor lain yang menjadi punca

kemasukan pengganas antarabangsa ke Malaysia. Di antaranya, pengganas antarabangsa ini dengan licik telah memasuki Malaysia dengan menggunakan Pas Pelancong dan dokumen perjalanan yang sah.

Bagi membendung penularan kemasukan pengganas antarabangsa ini, Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dan Polis DiRaja Malaysia telah mengadakan kerjasama dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak polis telah dan akan terus membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut.

Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi mengesan pergerakan mereka di semua pintu masuk utama seluruh negara.

Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System (APSS)* yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci.

Selain itu, keadaan geografi Malaysia yang bersempadan dengan negara-negara jiran seperti Thailand dan Indonesia serta kedudukannya yang terletak di tengah-tengah laluan pegganas antarabangsa telah menjadikan Malaysia sebagai negara transit mereka sebelum meneruskan perjalanan ke negara destinasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memandang serius akan usaha untuk mengurangkan kadar jenayah indeks di dalam negara. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan indeks kadar jenayah adalah melalui program *Community Policing* seperti Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau *United Against Crime* (UAC) bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah. Dalam masa yang sama, konsep *modern policing* turut dilaksanakan, seperti penubuhan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) bagi memantau kawasan perumahan. Selain itu, melalui Program Transformasi Kerajaan, pewujudan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) pada 25 Julai 2014 bertujuan untuk memastikan integriti dan Prosedur Tetap PDRM dipatuhi.

Saya juga ingin menyeru rakyat untuk bersama-sama berganding bahu dan bekerjasama dengan Kerajaan dan pihak PDRM dalam membantu mencegah jenayah kerana keselamatan adalah tanggungjawab bersama.